



SIMPOSIUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DI MALAYSIA

TARIKH

23 - 24 Disember 2009 / 06 - 07 Muharam 1431H

TEMPAT

**Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor,
Shah Alam**

ISLAM DAN TOLERANSI BUDAYA DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA: BEBERAPA CATATAN

Oleh:

Dr. Mohd Nor Manuty
Fello Akademik Kanan

Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)

ANJURAN

Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor (PUMSEL)

Dengan Kerjasama

Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)



ISLAM DAN TOLERANSI BUDAYA DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA: BEBERAPA CATATAN*

Oleh:
Dr. Mohd Nor Manuty**

1.0: Mukaddimah

Persoalan Islam dan toleransi budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia adalah merupakan satu subjek yang wajar ditelaah justeru ia amat relevan dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai latar belakang agama, bahasa dan budaya. Salah faham tentang toleransi dan budaya pelbagai bangsa dalam masyarakat jamak agama, bahasa dan budaya boleh menjejaskan peranan Islam sebagai agama pembina tamadun khaira ummah. Justeru, pemakalah ingin membahaskan aspek-aspek berikut.

Persepsi Orang-Orang Islam Terhadap Budaya Lain-Lain Etnik

- a) Kecenderungan sebahagian masyarakat Islam yang merasa tidak selesa (comfortable) dengan budaya orang-orang bukan Islam
- b) Kecenderungan sebahagian besar masyarakat minoriti Muslim bertolak ansur menerima budaya masyarakat bukan Islam majority kerana menerima hakikat untuk hidup bersama secara damai (peaceful co-existence)
- c) Kecenderungan untuk menerima budaya masyarakat bukan Islam majority. Dalam dunia masa kini, contoh yang paling dekat kepada kita ialah di negara - negara Barat

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMSel), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 23-24 Disember 2009, bertempat di Dewan Annex, Bangunan Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan.

** Fello Akademik Kanan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) merangkap Timbalan Presiden WADAH.



Percubaan Melaksanakan Teori Akulturasi Budaya Masyarakat Cina Dan India di Malaysia dan Singapura

Seorang tokoh da'i terkenal dari Singapura, saudara Ridzwan Wu, Mantan Presiden Pertubuhan Darul Arqam (Muslim Convert's Association of Singapore) yang juga Timbalan Presiden RAISEAP, telah membuat satu kajian yang menarik tentang persoalan kedudukan akulturasi budaya orang-orang Cina dan India di Malaysia dan Singapura. Secara ringkas, dalam makalahnya yang berjudul "Issues in Cross-Culture Da'wah". (Readings in Cross-Cultural Da'wah, (Singapore: 2001, ms. 55-59), Ridwan Wu telah mengemukakan beberapa contoh yang terdapat dalam tradisi Cina yang boleh dibahaskan dari perspektif agama dan budaya. Beliau berpandangan bahawa penghormatan kepada kedua ibu bapa dan orang tua yang telah meninggal dunia seperti yang terdapat dalam Pesta Hantu-Hantu Yang lapar serta beberapa jenis amalan ritual semasa upacara pengkebumian jenazah, sebahagiannya terdapat unsure-unsur agama dan sebahagiannya adalah budaya iaitu Perayaan Tahun Baru Cina dimana himpunan makan malam penyatuan keluarga adalah antara acara yang wajib. Dalam hubungan ini Ridwan berpenadapat adalah sukar untuk menerima keseluruhan amalan dalam Perayaan Kelaparan Hantu (Festival of Hungry Ghost) dengan ajaran Islam. Walaubagaimanapun, Ridwan berpandangan bahawa untuk mencari kata muafakat kedudukan amalan ritual dalam acara pengkebumian jenazah adalah lebih mudah. Ini ialah kerana sudah terdapat kecenderungan dalam masyarakat Cina masa kini untuk mengurangkan adat istiadat dalam acara pengkebumian jenazah.

Selanjutnya, dalam tradisi ketaatan kepada kedua ibu bapa/orang-orang tua (Filial piety), Ridzwan Wu berpendapat bahawa tradisi ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Beliau telah menggunakan pendapat seorang penulis terkenal Cina yang beragama Islam bernama *Wang Daiyu* dalam karyanya yang berjudul *Zhengjiao Zhenquan* (Nilai-Nilai Islam Dalam Istilah Konfusius). *Daiyu* berkata selepas mentaati Allah (swt), mentaati kedua ibu bapa adalah menduduki tempat yang kedua. Ridzwan berpendapat bahawa amalan penghormatan kepada kedua ibu bapa/orang-orang tua perlu diberikan perhatian untuk terus diamalkan hatta oleh individu Cina yang telah memeluk agama Islam. Ini adalah penting kerana sebahagian ibu bapa Cina merasa bimbang terhadap anak-anak mereka yang telah memeluk agama Islam enggan menghayati beberapa jenis budaya masyarakat Cina yang tidak bertenangan dengan ajaran Islam.

Selain itu, Ridzwan juga berbicara mengenai tradisi budaya bangsa Cina yang terkenal iaitu feng shui. Secara literal, fengshui bererti "angin dan air". Walaubagaimanapun, dari segi amalnya, *fengshui* melibatkan disiplin perancangan persekitaran sehingga amalan Geomancy. Seorang Muslim tidak mempunyai masalah dengan budaya Cina yang mementingkan seni kehidupan harmoni dengan tanah juseru ia boleh memberi pelbagai faedah, kemakmuran dan kedamaian serasi dengan keseimbangan alam tabii. Yang dipertikaikan ialah amalan *fengshui* yang melibatkan peramalan (fortune-telling). Seorang Muslim sukar untuk menerima struktur dalam sesuatu bangunan itu mengandungi unsure baik dan buruk seperti kedudukan atap yang mucung dalam



sesebuah bangunan tidak boleh berhadapan dengan pintu hadapan sesebuah rumah. Dalam hubungan ini, Ridzuan berpendangan bahawa seorang Muslim tidak boleh bertolak ansur mencari jalan untuk membuat penyesuai amalan feng shui dengan ajaran Islam.

Ridzuan juga membahaskan isu penggunaan *pottu* (nandak dalam bahasa Melayu) yang dipakai oleh wanita. Masyarakat India Muslim di Singapura dan Malaysia serta di Selatan India menentang keras amalan tersebut justeru ia dikategorikan sebagai sebahagian daripada sistem kepercayaan agama Hindu. Dalam tulisan-tulisan agama Hindu, penggunaan pelbagai warna *pottu* dalam kalangan wanita India adalah identiti yang menunjukkan adanya keplebagaian kasta dalam agama Hindu. Walaubagaimanapun, Ridzuan juga berhujah bahawa dalam masyarakat wanita di Bangladesh yang sebahagian besarnya beragama Islam, mereka menggunakan *pottu* tetapi namanya ditukar menjadi *tikki* atau *bindi*. *Pottu* disini dilihat sebagai satu bentuk fesyen, bukannya symbol agama. Justeru, mereka tidak menganggapnya bertentangan dengan ajaran Islam.

Persoalan Sikap Dalam Kalangan Masyarakat Islam

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia pada masa kini, nyata sekali kedangkalan pengetahuan tentang budaya masyarakat bukan Islam yang telah menjadi sebahagian dari masyarakat berbilang kaum telah menyebabkan timbulnya beberapa perspeksi pasif. Sebagai contoh, sebahagian besar masyarakat Islam tidak mahu mempelajari budaya masyarakat lain-lain bangsa dan kaum walhal ianya adalah merupakan satu tuntutan Islam seperti yang terakam dalam Surah al-Hujurat:13. Tolerance budaya adalah diperlukan dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini. Walaubagaimanapun, toleransi tersebut bukan bermakna kita boleh bertolak ansur dalam semua aspek budaya lain-lain bangsa/kaum yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pelbagai implikasi boleh berlaku, selain dari permasalahan politik dalam era kebangkitan Pakatan rakyat sebagai satu wadah politik alternative di negara ini, sikap tidak mahu mempelajari budaya lain-lain kaum lebih banyak menimbulkan masalah dalam bidang agama. Dari segi penataran Islam (*reaching out Islam*), umpamanya, faktor kedangkalan memahami silang budaya boleh menyebabkan proses dakwah terbantut atau menjadi lembap. Sebagai contoh, akibat kedangkalan pengetahuan seorang da'i tentang budaya masyarakat Cina, seorang keluarga Cina yang baru memeluk Islam dalam tahun 80'an di Ipoh, Perak, pernah mengadu kepada rakan-rakan dalam pertubuhan da'wah Islam bagaimana isterinya hampir mahu meninggalkan agama Islam apabila seorang guru Qur'an yang mengaraj dua orang anaknya tidak dibenarkan menyambut perayaan Tahun Baru Cina bersama dengan kaum keluarga mereka yang sebahagian besarnya masih belum memeluk agama Islam. Adalah jelas dalam peristiwa ini bahawa guru Qur'an yang berkenaan tidak tahu membedakan antara perayaan agama dengan perayaan yang berbentuk buday budaya!



Rumusan

Toleransi budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia telahpun berlaku dalam beberapa aspek. Ini dapat dilihat dalam amalan-malan perayaan pelbagai agama di dalam negara ini. Walaubagaimanapun, toleransi budaya tidak wajar bersifat “fleksible” dalam segala-galanya. Justeru, Islam amat memperhatikan persoalan akidah dan halal haram dari aspek syari’ah. Meskipun demikina, masih ada maklumat-maklumat terperinci yang perlu kita garap untuk mengetahui kedudukan pelbagai budaya di negara ini. Para ilmuan Muslim perlu menaganinya dengan menggunakan segala “resources” yang terdapat di dalam al-Qur’an, al-Sunnah, Sirah Nabi dan khulafa’, ilmu fiqh, usul al-fiqh serta lain-lain sumber yang boleh dimanfaatkan.